

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : 07 Mei 2021

PEGAWAI PENYEMAK : AWANG JURI BIN  
AG. TAMIR



KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA: 10/5/2021

DIBACA PADA: 14/5/2021

DILULUSKAN OLEH: .....

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ  
KHUTBAH JUMAAT  
PERTAMA DAN KEDUA  
2 SYAWAL 1442H/ 14 MEI 2021

BASRIAH DION H.J. ALVIN  
Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Penyelidikan & Informas  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

## KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

2 SYAWAL 1442H/ 14 MEI 2021

### AMAL RAMADHAN DITERUSKAN DI BULAN SYAWAL

Disediakan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

#### Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang **tidak disediakan atau diluluskan oleh Majlis** dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman **denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.**
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya cukup dan sempurna segala rukun, baris dan disampaikan dengan lancar.
- Hanya khatib yang dilantik oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) sahaja yang dibenarkan menyampaikan Khutbah Jumaat.
- Khutbah hendaklah disampaikan berdasarkan tarikh yang telah dicetak pada khutbah
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun-rukun dan kesilapan ejaan dan sebagainya.
- Sepanjang tempoh PKP, khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit
- Sebaik-baiknya khutbah ini hendaklah dibaca oleh **Imam Qariah** atau **Imam Rawatib** yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan.

## KHUTBAH PERTAMA

### AMALAN RAMADHAN DITERUSKAN DI BULAN SYAWAL

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَاهُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ عَالِيهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ .

أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ

#### MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Khatib menyeru terlebih dahulu kepada diri sendiri dan sidang Jemaah sekalian marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kita terhadap Allah SWT, atas kurniaan nikmat dan hidayahNya membolehkan kita menunaikan solat pada hari dan bulan yang mulia ini. Semoga suntikan tarbiah yang diperoleh ketika di bulan Ramadhan yang baharu berlalu, kita mampu laksanakan segala suruhan dan menjauhi larangan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT.

#### SIDANG HADIRIN SEKALIAN,

Meskipun kegembiraan Syawal yang kita raikan pada hari ini merupakan satu kemenangan, kerana berjaya kembali kepada fitrah namun kita juga sepatutnya berasa sedih lantaran limpahan pahala dan keberkatan ibadat di bulan Ramadhan tidak ditemui di bulan lain. Apakah kita pasti bakal bertemu semula dengan bulan Ramadhan yang akan datang? Hal ini kerana, Ramadhan yang baharu sahaja berlalu ini adalah merupakan madrasah tarbiah yang menyemai bibit-bibit keimanan terhadap fizikal dan spiritual umat Islam.

Antara definisi bulan Syawal bermaksud peningkatan. Lantaran itu Syawal adalah kesinambungan yang mendorong kita mencapai darjat ketaqwaan. Semoga sambutan Syawal yang sedang dilalui ini mampu meningkatkan kualiti diri dan ibadah kita. Bertepatan dengan firman Allah SWT menerusi surah al-Hujurah : 13:

... إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ ...

Maksudnya: “*Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu*”

### **HADIRIN JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT,**

Apa yang amat ketara di kalangan segelintir masyarakat kita pada hari ini ialah bila masuknya bulan Syawal maka menurunnya semula semangat dan kerancakan ibadah. Terbukti di mana perayaan Aidilfitri disambut dengan pelbagai perkara-perkara yang melaghokan seperti mendengar muzik yang berlebihan, tari menari, berbelanja dengan boros dan sebagainya. Tidak kurang pula ada yang mengisi sambutan Syawal ini dengan sikap umpat mengumpat, fitnah memfitnah, pertelingkahan, keegoan, bermegah-megah dengan barangan mewah yang mampu dimiliki, sedangkan ke semua sifat keji tersebut telah kita tinggalkan ketika menyusuri bulan Ramadhan.

Justeru itu marilah kita bermuhasabah serta menginsafi diri yang bakal ditanya kelak di hadapan ilahi. Marilah kita sama-sama menghargai peluang Ramadhan yang telah kita kecapai dan nikmati. Janganlah kita mensia-siakan pahala puasa dan ibadat-ibadat lain yang telah kita kerjakan sewaktu di bulan Ramadhan. Jadikanlah ia sebagai pemangkin untuk kita melestarikan ibadat di bulan lain khususnya di bulan Syawal. Hanya ibadah yang berterusan dan istiqamah sahaja yang menjadi pilihan Allah SWT.

Sabda Rasulullah SAW: Daripada 'Aisyah RAH, bahawa beliau berkata: “*Nabi SAW ditanya yang manakah amalan yang paling dicintai Allah. Baginda SAW bersabda: Amalan yang berterusan walaupun sedikit*”. (HR Imam Al-Bukhari)

Antara kesinambungan amalan di bulan Ramadhan ialah melaksanakan puasa sunat enam hari di bulan Syawal. Tentunya puasa sunat ini mempunyai keistimewaan dan ganjarannya yang tersendiri.

Imam Muslim meriwayatkan hadis :Daripada Abu Ayub Al-Anshari RA bahawa beliau menceritakan bahawa Rasulullah SAW bersabda: “*Barangsiapa yang berpuasa di bulan Ramadhan, kemudian mengikutinya dengan enam hari di bulan Syawal, maka ia seperti berpuasa setahun*”.

Menurut kebanyakan para ulama, puasa Syawal boleh dilakukan secara berturut-turut atau berselang-selang. Maka dengan ini khatib menyeru bagi yang akan mengerjakan puasa sunat Syawal, marilah kita merebut peluang keemasan ini dengan penuh kesungguhan tanpa perlu menanggungkannya hingga ke penghujung bulan Syawal.

## JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT SEKALIAN,

Hakikatnya sejarah Islam pernah menyaksikan Syawal pernah menjadi bulan perjuangan dan kemenangan bagi kita seluruh umat Islam. Pada bulan ini telah berlakunya perang Ahzab atau Khandak pada tahun ke 5 hijrah. Semoga peristiwa ini mampu mempertingkatkan kualiti ibadah dan prestasi diri sebagaimana yang telah ditunjukkan oleh Baginda SAW dan para Sahabatnya.

Impak keghairahan ibadat daripada bulan Ramadhan hendaklah kita teruskan. Amalan sholeh yang telah kita semai sewaktu berada di bulan Ramadhan seperti qiamulail, membaca al-Quran, bersedekah, berinfak dan sebagainya hendaklah diteruskan kerana ibadat orang mukmin itu bukanlah bermusim tetapi sepanjang hayat dikandung badan.

Namun, perlu juga diingatkan kepada seluruh hadirin sekalian, dalam keghairahan kita meraikan bulan kemenangan ini, seyogianya khatib ingatkan bahawa penularan Covid-19 masih berlaku di kalangan kita pada masa kini. Indeks kes jangkitan adakalanya menggerunkan kita semua. Lantaran itu marilah kita bersama-sama meningkatkan pematuhan SOP yang telah digariskan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia. Semoga usaha kita menggembeng tenaga dan kepakaran memerangi pandemik Covid-19 benar-benar menemui titik kejayaan seiring dengan bulan kemenangan ini. Allah SWT berfirman:

قَالَ قَدْ أُجِيبَت دَعْوَتُكُمَا فَاسْتَقِيمَا وَلَا تَتَّبِعَانِ سَبِيلَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٨٩﴾

Yang maksudnya: “Sesungguhnya telah dikabulkan doa kamu berdua; oleh itu hendaklah kamu tetap (menjalankan perintahKu seterusnya) dan janganlah kamu menurut jalan orang-orang yang tidak mengetahui (peraturan janjiKu)”. (Surah Yunus : 89)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى آلِهِ  
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ  
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا  
تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ  
إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ .

آمين آمين يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ،

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَتَابِعِهِمْ بِإِحْسَانٍ  
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ وَأَنْ تَشْمَلَ بِعِنَايَتِكَ عَلَى  
فَخَّامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْتَرَاوَتَامِ يَغْدَفَرَتُوا نَخْرِي سَابِهِ. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلْدَةَ  
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ أَمْنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ،  
مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُودُ  
بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami kesejahteraan, keamanan, keselamatan serta lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit berbahaya khususnya Covid-19.

Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami kekuatan untuk mematuhi SOP yang disediakan MKN dan KKM bagi membendung penyebaran Covid-19 yang sememangnya telah berada dalam komuniti kami. Sesungguhnya kepadaMu juga tempat kami memohon perlindungan.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat Kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُم  
لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*\*\*

Disediakan dan diedar oleh:  
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**NOTA:** Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi  
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah  
Tingkat 4, Blok A, Wisma MUIS  
88737 KOTA KINABALU.  
Tel: 088-522142



Pihak JHEAINS berusaha untuk mempertingkatkan kualiti khutbah Jumaat yang diterbitkan. Maklum balas dari pihak tuan/ puan amat dihargai. Sila semak QR code ini. Sekian, terima kasih.